

Nama :

Latihan Sistem Bahasa

- (A)** Pilih perkataan antonim yang paling sesuai bagi perkataan bergaris. Tulis jawapan kamu pada ruang yang disediakan.

layu gelap cerah gelisah runcing tebal

1. Fikiran kita menjadi tenang apabila mempunyai emosi yang sihat.
2. Puan Laila menggunakan bunga yang segar untuk menghias sirih junjung ini.
3. Telefon pintar model baharu keluaran syarikat tersebut sungguh nipis.
4. Halina membawa payung ke sekolah kerana cuaca pada hari ini agak mendung.

- (B)** Tulis BETUL atau SALAH pada ruang yang disediakan bagi penggunaan perkataan yang bergaris dalam ayat-ayat di bawah.

1. Pengerusi Persatuan Ibu Bapa dan Guru diundang untuk merasmikan pertandingan reka cipta sains ini.
2. Murid-murid memakai kasut sukan yang selesa untuk mengelak kaki mereka cedera semasa bersukan.
3. Penari-penari yang mempersembahkan tarian inang itu dari Kelab Budaya sekolah saya.
4. Ada sesetengah penternak telah menternak ikan di dalam sangkar sebagai usaha untuk meningkatkan dapatan.

- (C)** Pilih simpulan bahasa yang paling sesuai untuk diisi pada tempat kosong dalam ayat-ayat di bawah.

jalan mati

jalan buntu

besar hati

besar diri

1. "Saya berasa _____ kerana tokoh itu sudi ditemu ramah," kata Kamal dengan gembiranya.
2. Sambutan Minggu Kemerdekaan itu terpaksa ditangguhkan kerana penyelesaian masalah kewangan menemui _____.

D Pilih dan tandakan (✓) bagi ayat-ayat yang sama maksud dengan ayat yang diberikan.

1. "Tolong berikan brosur ini kepada pengunjung yang hadir," kata Puan Maisarah kepada Liyana.


Liyana menolong Puan Maisarah memberikan brosur kepada pengunjung yang hadir.	☐
Puan Maisarah meminta Liyana memberikan brosur kepada pengunjung yang hadir.	☐

2. "Murid-murid, ceramah motivasi itu akan bermula pada pukul 8:30 pagi," kata Cikgu Aminah.

Cikgu Aminah memberitahu murid-muridnya bahawa ceramah motivasi itu akan bermula pada pukul 8:30 pagi.	☐
Pada pukul 8:30 pagi, Cikgu Aminah memberitahu murid-muridnya bahawa ceramah motivasi itu akan bermula.	☐

E Tandakan (✓) bagi penjodoh bilangan yang paling sesuai.

1.




butir	☐
pangsa	☐
ulas	☐

2.



tandan	☐
sisir	☐
buah	☐

F Nyatakan peribahasa yang sesuai berdasarkan gambar dan pernyataan di bawah.



Para peniaga trak makanan di kawasan itu memperoleh hasil lumayan semasa ekspo sukan berlangsung selama dua hari bak kata peribahasa _____